

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pilihanraya (Pindaan) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Pilihanraya 1958, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan takrif^{kt} "tempat mengundi" dengan takrif baru yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 19.

' "tempat mengundi" ertinya mana-mana bilik, binaan, kereta atau vesel, di tempat yang ditetapkan di bawah seksyen 7, yang dikhaskan dan dilengkapi bagi maksud mengundi dan pengiraan undi.'

3. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pengums" dalam perenggan (j) subseksyen (2) perkataan-perkataan "atau ketua tempat mengundi". Pindaan seksyen 16.

- Pindaan am, 4. Akta ibu adalah dipinda, dalam teks Bahasa Malaysia, dengan menggantikan perkataan-perkataan "pegawai pengetua" di mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan-perkataan "ketua tempat mengundi".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pilihanraya 1958.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "tempat mengundi" bagi tujuan memperluaskan penggunaannya sebagai tempat bagi pengiraan undi.

3. *Fasal 3* bertujuan memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihanraya menetapkan keadaan-keadaan yang membolehkan undi-undi yang dikira oleh ketua tempat mengundi ditolak oleh pegawai tersebut sebagai tak sah.

4. *Fasal 4* bertujuan menukar nama sebutan "pegawai pengetua" kepada "ketua tempat mengundi".

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U³) 1465.]